



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

Program Sehati Sejiwa Serlah Potensi (PROSSEP) @ SMK Three Rivers, Mukah

Penulis: Nur Nadia Qausar Juhari dan Arif Azizi Che Harun

MUKAH: UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menerima jemputan bagi menyertai program yang julung kali diadakan oleh sekolah tersebut pada 13 hingga 14 Januari 2023 yang lepas. Program ini bertujuan untuk membina jaringan antara sekolah, pelajar, serta ibu bapa dengan agensi-agensi luar dan juga institusi-institusi pendidikan tinggi yang terdekat untuk membimbing calon-calon lepasan SPM meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Unit Pra Pendidikan Tinggi Kampus Mukah (PPT) serta Unit Misi Akademik Kampus Mukah sedaya upaya membantu membuka peluang bagi calon-calon yang berkecenderungan untuk menyambung pengajian di institusi yang terbilang ini. Dalam pada itu, penyertaan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) juga mendukung usaha melonjakkan prestasi anak-anak Sarawak, khususnya di Mukah.

Pihak kampus telah menawarkan pelan pengajian yang hebat dan komprehensif bagi calon-calon lepasan SPM yang ingin menyambung pengajian di dalam negeri Sarawak khususnya. Bidang-bidang yang ditawarkan oleh Kampus Mukah terdiri daripada program Pra Diploma Perdagangan, Pra Diploma Pengajian Islam, Pra Diploma Agroteknologi, Pra Diploma Sains dan juga Pra Diploma Sains STEM C dan Sastera. Selain daripada program pra diploma, terdapat juga program diploma yang terdiri daripada Diploma Perbankan, Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Pengurusan Ladang, Diploma Akuakultur dan juga Diploma Pengeluaran Herba.

Usaha ini akan diteruskan dengan lebih giat lagi di masa hadapan bagi membantu ramai lagi calon-calon lepasan SPM untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi dan selari dengan objektif *Sustainable Development Goals (SDGs)* yang keempat iaitu *Quality Education* yang menekankan kepentingan pendidikan berkualiti kepada semua

